

10 JAN 1996

Ting - CF

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DIARAH KELUARKAN CF DALAM TEMPOH 14 HARI

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Kabinet hari ini meluluskan prosedur baru bagi menetapkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengeluarkan sijil kelayakan (CF) menduduki premis dalam tempoh 14 hari selepas permohonan dibuat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ting Chew Peh berkata prosedur baru itu, antara lain menetapkan pemaju mesti mendapatkan perakuan daripada lapan jabatan teknikal sebelum memohon CF daripada PBT.

"Saya jangka masalah kelewatan pengeluaran CF oleh PBT tidak akan timbul lagi kerana kementerian telah memaklumkan kepada semua PBT secara pentadbiran untuk mengeluarkan CF dalam tempoh tersebut," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan di pejabatnya, di sini.

Menurut Ting lapan jabatan teknikal yang terlibat dalam pengeluaran CF boleh diminta menjalankan pemeriksaan sebaik sahaja bangunan berkenaan siap.

Jabatan-jabatan teknikal itu ialah Bomba, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bekalan Air, Perkhidmatan Pembentungan, Rancangan Bandar dan Desa, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Tenaga Nasional Berhad.

Ting berkata prosedur baru itu juga menetapkan satu senarai semak bagi jadual kerja yang perlu diperiksa oleh jabatan-jabatan teknikal berkenaan yang harus disiapkan dalam tempoh masa tertentu.

"Prosedur baru itu juga menetapkan jika paip air dan pendawaian telah sedia untuk disambung, CF boleh dikeluarkan. Tidak perlu menunggu untuk bekalan air dan elektrik berfungsi baru CF diluluskan," katanya.

Mengenai penubuhan Jabatan Lanskap Negara, beliau berkata perkara itu sudah diluluskan oleh jemaah menteri dan akan mula beroperasi sebaik sahaja Ketua Pengarah jabatan itu dilantik.

Katanya jabatan itu akan mengendalikan lanskap di seluruh negara termasuklah penanaman pokok di jalan raya atau di tebing sungai, di samping menjadi penasihat kepada kerajaan dan orang ramai.

Beliau berkata penubuhan jabatan itu sesuai dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohada untuk menjadikan Malaysia sebuah negara dalam taman. -- BERNAMA